

PERSONALITI DAN MINAT KERJAYA MURID DALAM BIDANG TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI ZON PUDU, KUALA LUMPUR

Azlin Moktar¹ & Suhaida Abdul Kadir²

¹Kementerian Pendidikan Malaysia

²Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Isu keciciran murid, prestasi rendah murid lelaki dan jurang gender semakin meningkat sepanjang laluan akademik murid. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk memberi kesedaran awal dengan mengenal pasti personaliti, minat kerjaya serta hubungan personaliti dan minat kerjaya murid dalam bidang teknikal dan vokasional di kalangan murid sekolah rendah. Kaedah yang digunakan berbentuk tinjauan dan melibatkan 364 orang murid sekolah rendah di Zon Pudu, Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan personaliti yang paling dominan ialah personaliti *agreeableness* dan minat kerjaya sosial. Penyelidik mencadangkan agar kajian seumpama ini diperluas kepada bilangan sampel yang lebih besar supaya dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi serta cadangan perancangan dan pelaksanaan program bersesuaian melalui Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menarik minat kerjaya murid dalam bidang teknikal dan vokasional di seluruh Malaysia.

Kata Kunci : Personaliti, Minat Kerjaya, Bidang Teknikal dan Vokasional

Pengenalan

Pemilihan kerjaya adalah suatu proses yang berterusan bermula dengan persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudiannya berkembang hingga ke peringkat remaja dan awal dewasa (Tolbert, 1974). Personaliti yang selari dengan minat akan memudahkan laluan kerjaya seseorang individu. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) bagi tempoh 2011 hingga 2015 memperlihatkan satu perubahan ketara dalam sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education Training – TVET / TEVT*) di Malaysia (Aminuddin, 2011). Kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengatur strategi menambah baik persepsi terhadap PTV dan menarik minat lebih ramai murid, membangunkan tenaga pengajar PTV yang lebih efektif, mempertingkatkan dan mengharmonikan kualiti kurikulum PTV dan memperkemas penyampaian PTV.

Hasil laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (KPM, 2012) memberi gambaran tentang kepelbagaian sekolah dengan tahap prestasi yang berbeza. Isu prestasi rendah murid lelaki dikenalpasti dan jurang gender adalah signifikan dan meningkat. Perbezaan prestasi telah mula ketara dalam UPSR dan meningkat sepanjang laluan akademik murid. Temu bual dengan ibu bapa, guru dan pengetua / guru besar mendapati bahawa ramai murid lelaki sukar menguasai kurikulum akademik perdana dan berkemungkinan akan mendapat manfaat daripada lebih akses kepada latihan vokasional atau kerja khusus berbentuk aplikasi.

Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memantau dan berusaha mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid di semua peringkat persekolahan seluruh negara. Antara langkah-langkah yang diambil :

Memperbanyakkan program pendidikan yang dapat menarik minat murid mengikuti pengajian seperti dalam bidang kesenian melalui sekolah seni, sukan di sekolah sukan dan kemahiran di sekolah teknik dan vokasional

Pihak kementerian memandang serius isu keciciran murid dan melaksanakan pelbagai alternatif dalam menarik minat murid dalam pendidikan terutamanya yang menghadapi masalah pencapaian akademik ke arah pendidikan teknikal dan vokasional. Melihat kepada kepentingan mengatasi masalah keciciran murid terutamanya murid lelaki, maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi kesedaran awal dengan mengenal pasti tahap minat kerjaya murid dalam bidang teknikal dan vokasional di kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini akan memberikan fokus pada pemboleh ubah yang dijangkakan akan mempengaruhi minat kerjaya seseorang individu seperti personaliti, bangsa, jantina dan umur.

Sorotan Literatur

Kajian Ahmad Baharuddin (2007) menyatakan sebelum membuat pilihan kerjaya, pemahaman mengenai kerjaya yang diinginkan adalah perlu bagi memastikan pilihan kerjaya selari dengan minat. Holland (1973) menyatakan minat kerjaya adalah satu ekspresi personaliti dalam pekerjaan, hobi, aktiviti sampingan dan sebagainya. Dapatan kajian Mastura, Ishak dan Hamdan (2008) ke atas pelajar UTM Skudai menunjukkan kod tiga huruf yakni kod SEA dan mempunyai tahap kongruen iaitu padanan yang baik berdasarkan Model Heksagonal Holland (1969). Dapatan kajian Siti Aishah (2009) menunjukkan hubungan yang signifikan antara personaliti dan minat kerjaya sosial bagi pelatih IPGM. Kajian minat kerjaya berlainan gender merupakan satu perkara penting kepada semua peringkat untuk mengenalpasti minat kerjaya tertentu dan kesesuaiannya dengan personaliti gender berkenaan. Kajian Tomlinson dan Evans Hughes (1991) mendapati pelajar lelaki lebih berminat kepada kerjaya realistik berbanding pelajar perempuan lebih berminat dalam bidang artistik. Kajian Rohany (1980) menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara jantina dan minat kerjaya. Pelajar lelaki lebih berminat dalam pekerjaan yang berkaitan 'verbal' dan 'manipulative' manakala pelajar perempuan lebih berminat dalam bidang kesusasteraan dan personel sosial. Kajian Khairul Anwar (2000) menggunakan NEO-PI-R yang telah dibina oleh Costa dan McCrae (1992) dan diterjemahkan untuk mengkaji personaliti masyarakat Melayu menggunakan pendekatan Big Five. Dapatan kajian beliau menunjukkan set inventori Big Five sesuai digunakan pada masyarakat di Malaysia berdasarkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Dalam kajian meta analisis terhadap kanak-kanak yang berumur 10-18 tahun oleh Roberts, Walton dan Viechtbauer (2006), melaporkan bahawa terdapat perubahan dominan yang signifikan walaupun kecil pada tahap min untuk komponen *extraversion* yang meningkat dan *neuroticism* yang merosot. Tiada perubahan untuk personaliti *agreeableness*, *conscientiousness* dan *openness* walaupun sampel terdiri daripada jurang umur yang sangat besar. Kesimpulannya, kajian ini konsisten dengan hasil kajian longitudinal dan kajian cross-sectional yang dijalankan oleh McCrae (2002) kepada pelajar berumur 12-18 tahun di mana hasil kajian menunjukkan kestabilan dalam *extraversion*, *agreeableness*, *conscientiousness* dan peningkatan dalam *openness* (Pullman, 2006).

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti :-

- i. Personaliti murid sekolah rendah berdasarkan demografi.
- ii. Minat kerjaya murid dalam bidang teknikal dan vokasional
- iii. Perhubungan antara personaliti dan minat kerjaya murid dalam bidang teknikal dan vokasional

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian tinjauan deskriptif melalui pendekatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik dalam mengkaji beberapa aspek seperti faktor personaliti dan persekitaran yang mempengaruhi minat murid terhadap bidang kerjaya dalam bidang teknikal dan vokasional. Populasi kajian terdiri daripada semua murid yang hadir ke *Karnival Pendidikan Kaunseling Kerjaya dan Kesejahteraan Mental Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2012*. Jumlah sekolah yang terlibat dalam kajian ialah 16 buah Sekolah Rendah di Zon Pudu yang hadir dari 40 buah sekolah jempunan. Jumlah semua murid yang terlibat ialah seramai 364 orang murid. Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A berkaitan maklumat demografi responden seperti jantina, bangsa, tahun pengajian dan jenis sekolah. Bahagian B berkaitan minat kerjaya dengan menggunakan soal selidik Inventori Minat Kerjaya Holland (SDS, John Holland 1994) yang terdiri daripada enam jenis pekerjaan iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K) - **RIASEK**. Bahagian C adalah berkaitan personaliti dengan menggunakan Inventori Personaliti Big Five (Costa dan MacCrae, 1996). Terdapat lima trait utama dalam teori ini yang dikenal dengan akronim **OCEAN**, iaitu keterbukaan fikiran (*openness to experience*), sifat sosial (*extraversion*), berpendapat sama dan mudah mencapai persetujuan (*agreeableness*), kesedaran (*conscientiousness*) dan gangguan emosi (*neuroticism*). Dapatan ujian kebolehpercayaan dalam kajian rintis ini menunjukkan nilai alpha minat kerjaya ialah .92 dan

nilai alpha personaliti ialah .83. Responden kajian adalah seramai 364 orang murid Tahun 4, 5 dan 6 di sekolah rendah sekitar Zon Pudu, Kuala Lumpur. Berdasarkan Jadual 1, seramai 155 orang (42.6%) terdiri daripada murid lelaki dan 209 orang (57.4%) adalah murid perempuan.

Jadual 1: Analisis Deskriptif Demografi Responden

Demografi	N	%
Jantina	364	
Lelaki		42.6
Perempuan		57.4
Bangsa	364	
Melayu		77.2
Cina		12.4
India		8.5
Lain-lain		1.9
Tahun	364	
Tahun 4		30.5
Tahun 5		34.1
Tahun 6		35.4

Jadual 2 menunjukkan personaliti murid menggunakan pendekatan teori lima faktor atau Big Five Theory (BFI) (Costa & Mc Crae, 1996). Nilai min tertinggi keseluruhan murid menunjukkan personaliti *agreeableness* adalah paling dominan dengan nilai (M=3.47, S.P=.67). Manakala nilai min yang paling rendah keseluruhan murid menunjukkan personaliti *neuroticism* (M=3.00,S.P=.56).

Jadual 2 : Min dan sisihan piawai bagi personaliti keseluruhan murid

Personaliti	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Openness	2	5	3.21	.50
Conscientiousness	1	5	3.41	.65
Extraversion	1	5	3.33	.63
Agreeableness	2	5	3.47	.67
Neuroticism	2	5	3.00	.56

Nilai ujian t bebas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti *openness*, *conscientiousness*, *extraversion*, *agreeableness* dan *neuroticism* antara murid lelaki dan murid perempuan. Ini bermakna personaliti *openness*, *conscientiousness*, *extraversion*, *agreeableness* dan *neuroticism* antara murid lelaki dan perempuan adalah sama. Analisis varians ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min personaliti *agreeableness* mengikut jenis bangsa. Perbandingan Post-hoc menggunakan ujian Tukey HSD menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min bangsa Melayu berbanding bangsa India. Manakala analisis varians ANOVA sehala menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan antara min subskala personaliti di kalangan murid berbeza tahun pengajian. Ini menunjukkan subskala personaliti antara murid Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 adalah sama.

Minat kerjaya murid dianalisis menggunakan pendekatan Teori Tipologi Kerjaya Holland. Nilai min tertinggi keseluruhan murid dalam Jadual 3 menunjukkan minat kerjaya sosial (M=9.11,S.P=2.83) berada di tahap sederhana. Manakala min paling rendah keseluruhan murid menunjukkan minat kerjaya realistik (M=6.91,S.P=2.80).

Jadual 3 : Min dan sisihan piawai bagi minat kerjaya keseluruhan murid

Minat Kerjaya	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Realistik	0	15	6.91	2.80
Investigatif	0	15	7.53	3.41
Artistik	0	15	7.40	3.42
Sosial	1	15	9.11	2.83
Enterprising	0	15	7.38	3.34
Konvensional	0	15	7.90	3.03

Nilai ujian t bebas dalam Jadual 4 menunjukkan ada perbezaan yang signifikan minat kerjaya realistik dan minat kerjaya sosial bagi murid lelaki dan murid perempuan. Minat kerjaya yang paling dominan ialah minat kerjaya sosial. Minat kerjaya sosial dan realistik murid perempuan lebih tinggi daripada murid lelaki.

Jadual 4 : Ujian t bebas bagi minat kerjaya berdasarkan jantina

Minat Kerjaya	Lelaki M (SP)	Perempuan M (SP)	t	p
Realistik	6.88 (3.11)	6.93 (2.54)	-.17	.87
Investigatif	7.30 (3.38)	7.70 (3.43)	-1.10	.28
Artistik	6.43 (3.38)	8.12 (3.28)	-4.81	.00
Sosial	8.55 (3.11)	9.53 (2.54)	-.32	.00
Enterprising	7.25 (3.39)	7.48 (3.32)	-.67	.50
Konvensional	7.58 (3.11)	8.13 (2.96)	-1.71	.09

Analisis varians ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min minat kerjaya enterprising dan skor min minat kerjaya konvensional mengikut jenis bangsa. Perbandingan Post-hoc menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min bangsa Cina berbanding bangsa India bagi minat kerjaya konvensional. Manakala skor min minat kerjaya sosial adalah paling dominan dalam perbandingan jenis tahun pengajian murid.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian berdasarkan jantina murid menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara semua subskala personaliti. Ujian t bebas menunjukkan nilai min tertinggi ialah personaliti *agreeableness*, diikuti personaliti *conscientiousness*, *extraversion* dan *openness* serta nilai min terendah ialah personaliti *neuroticism*. Ini menunjukkan keseluruhan responden mempunyai ciri personaliti sangat bertimbang rasa, mudah berkawan dan berpandangan optimis tentang manusia berbanding sifat negatif personaliti *neuroticism*. Dapatan ini hampir sama dengan kajian Asrul (2009), pelajar cemerlang akademik di MRSM mempunyai personaliti tinggi pada trait *extraversion*, *conscientiousness*, *openness* dan *agreeableness*. Manakala bagi trait *neuroticism*, mereka berada pada tahap sederhana.

Hasil ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesemua subskala personaliti antara murid lelaki dan murid perempuan. Namun, jika dilihat dari sudut min, terdapat perbezaan yang tidak ketara, menunjukkan murid perempuan mendahului jumlah murid lelaki hampir semua ciri personaliti kecuali satu ciri iaitu personaliti *Neuroticism*. Senario tersebut sependapat dengan (Asrul, 2009) pada trait personaliti *Neuroticism*, Lipka (1995) pada trait personaliti *Extraversion* dan *Openness*, Brooke (2003) pada trait *Conscientiousness*, Frederick (2005) pada trait *Openness*. (Petra Nieken, 2010) melaporkan tentang jangkaan pemilihan kerjaya berdasarkan personaliti menunjukkan ada perbezaan signifikan antara lelaki dan perempuan, di mana perempuan mendominasi nilai min tertinggi pada semua subskala personaliti Big Five.

Perbezaan skor min personaliti *agreeableness* didapati signifikan antara bangsa Melayu dan bangsa India. Namun secara keseluruhan, perbezaan sebenar dalam skor min antara kumpulan agak kecil walaupun keputusan ANOVA sehala tersebut adalah signifikan secara statistik yang

boleh disimpulkan bahawa tidak banyak perbezaan personaliti *agreeableness* antara bangsa Melayu, India dan Cina dan tahun pengajian murid.

Analisis keseluruhan data menunjukkan minat kerjaya tertinggi responden adalah dalam bidang sosial, manakala responden amat kurang berminat dalam kerjaya realistik. Walaupun data menunjukkan murid lebih menjurus minat kerjaya dalam bidang sosial, namun dalam bidang teknikal dan vokasional masih memerlukan ciri-ciri personaliti sosial. Contohnya pekerjaan yang menggunakan kemahiran seperti juruteknik perhubungan (telefon) memerlukan interaksi sosial dengan manusia di samping kemahiran teknikal dan vokasional. Murid perempuan menunjukkan minat kerjaya yang tinggi dalam bidang sosial dan realistik berbanding murid lelaki. Ini disokong oleh kajian (Edrin, 2010) di mana kajian pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 Kemahiran Hidup menunjukkan pelajar memilih kerjaya berbentuk sosial namun tiada perbezaan signifikan pemilihan kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan.

Ujian korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan antara semua dimensi personaliti dengan minat kerjaya murid kecuali personaliti *neuroticism*. Kajian menunjukkan min skor personaliti yang dominan ditunjukkan oleh majoriti murid ialah personaliti *agreeableness*. Hubungan yang signifikan positif diperolehi antara personaliti *agreeableness* dan minat kerjaya sosial dengan kekuatan sederhana kuat. Ini menunjukkan keselarasan dan konsistensi yang tinggi antara personaliti dan minat kerjaya murid.

Pengkaji mencadangkan agar kajian ini diperluas kepada peringkat sekolah menengah dan peringkat yang lebih tinggi serta kepada bilangan sampel yang lebih besar supaya dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi tentang minat kerjaya pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional di seluruh Malaysia. Penyelidik juga menyarankan agar kajian lanjutan dijalankan untuk mengenalpasti hubungan dengan pemboleh ubah yang lain seperti tahap pencapaian akademik pelajar dan sebagainya.

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti aspek personaliti yang mempengaruhi minat kerjaya murid dalam bidang teknikal dan vokasional melalui inventori minat kerjaya Holland dan inventori personaliti Big Five. Dapatan daripada kajian diharap dapat memberikan gambaran jelas tentang personaliti dan minat kerjaya murid dalam bidang teknikal dan vokasional serta hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut terhadap golongan murid berkenaan. Hasil kajian diharap dapat memberikan sumbangan kepada institusi pendidikan terutama terhadap kaunselor, guru serta para ibu bapa dalam mengenalpasti dan mengembangkan minat kerjaya murid dalam bidang teknikal dan vokasional.

Rujukan

- Aminuddin Awang Kechik (2011). *Reformasi Dalam TVET: Perubahan Masa Hadapan*. Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Edupres*, Vol 1 September. (ms 336-341)
- Azizi Yahaya, Noraizah Damiri dan Shahrifudin Ismail (2005). *Ciri-ciri Personaliti dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Mara
- Bullock, E.E & Reardon, R.C (2008). *Interest profile elevation, big five personality traits, and secondary constructs on the self-directed search: A replication and extension*. *Journal of Career Assessment*, 16, 326-338
- Donald, V. (1986). *How To Choose A Career*. London : Kogan Page
- Enrolmen Perangkaan Pengajian Tinggi 2011. www.mohe.gov.my
- Hairunnaja Najmuddin (2005). *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya*. Pahang PTS Professional Publishing
- Holland, J.L. (1996). *Making Vocational Choices: A Theory Vocational Personality and Work Environment*. Odessa. Florida: Psychological Assessment Resources
- Khairul Anwar Mastor, Putai Jin, & Martin Cooper (2000). *Malay Culture and Personality : A Big Five Perspective*. *American behavioural. American Behavioral Scientist* 2000:44:95
- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual 4th Edition*
- Siti Aishah Hamid (2009). *Profil Personaliti dan Minat Kerjaya Pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia*. Universiti Putra Malaysia, Tesis Sarjana.